



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PERBANDINGAN PENGGUNAAN KATA KERJA AKHIRAN ER, AVOIR
DAN ÊTRE DI ANTARA BAHASA PERANCIS DENGAN BAHASA
MELAYU MELALUI PENDEKATAN ANALISIS KESALAHAN***

NORFARAHIN BTE AMAT @ ADNIN

FBMK 2020 68



**PERBANDINGAN PENGGUNAAN KATA KERJA AKHIRAN *ER*, *AVOIR*
DAN *ÊTRE* DI ANTARA BAHASA PERANCIS DENGAN BAHASA MELAYU
MELALUI PENDEKATAN ANALISIS KESALAHAN**

Oleh

NORFARAHIN BTE AMAT @ ADNIN

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan Ijazah Master Sastera**

Julai 2020

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

*Assalamualaikum w.b.t.
Merci beaucoup à mon mari, Ahmad Farit Bin Mazlan
Je t'aime toujours
Mon père, Cikgu Haji Amat @ Adnin bin Haji Amat Kassan
Ma mère, Hajjah Mutamah bte Haji Abdul Hamid
Vous êtes très beau
Merci beaucoup ♥♥♥*



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

**PERBANDINGAN PENGGUNAAN KATA KERJA AKHIRAN *ER*, *AVOIR*
DAN *ÊTRE* DI ANTARA BAHASA PERANCIS DENGAN BAHASA MELAYU
MELALUI PENDEKATAN ANALISIS KESALAHAN**

Oleh

NORFARAHIN BTE AMAT @ ADNIN

Julai 2020

Pengerusi : Profesor Madya Omrah bin Hassan @ Hussin, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini membandingkan penggunaan kata kerja akhiran *ER*, *Avoir* dan *Être* antara bahasa Perancis dengan bahasa Melayu melalui pendekatan analisis kesalahan. Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis kesalahan kata kerja dalam penulisan ayat mudah bahasa Perancis dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM) Kuala Lumpur (KUPTMKL). Objektif kedua adalah untuk membandingkan makna antara kata kerja *Avoir* dan kata kerja *Être* dalam bahasa Perancis dan bahasa Melayu. Objektif kajian dicapai dengan menggunakan teori analisis kesalahan. Pengelasan jenis kesalahan kata kerja bahasa Perancis pula ditentukan dengan menggunakan teori taksonomi kesalahan (Dulay, Burt, dan Krashen, 1982). Kajian ini dijalankan di KUPTMKL dan sampel kajian terdiri daripada 150 orang pelajar semester dua yang telah mengikuti subjek Bahasa Perancis 1 di KUPTMKL. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif dalam analisis data. Pengkaji mendapati responden mengalami kesukaran dalam mengenal pasti hubungkait antara pelaku dengan kata kerjanya untuk membina ayat mudah dalam bahasa Perancis. Dapatan kajian menunjukkan pelajar KUPTMKL melakukan tiga jenis kesalahan kata kerja bahasa Perancis, iaitu dalam pemilihan kata kerja, konjugasi kata kerja, dan pengurangan kata kerja. Tiga jenis kesalahan dalam pemilihan kata kerja melibatkan: (i) Kesalahan antara kata kerja *Être* dan kata kerja akhiran *ER*; (ii) Kesalahan antara kata kerja *Être* dan kata kerja *Avoir*; dan (iii) Kesalahan antara kata kerja *Avoir* dengan kata kerja *Être*. Kesalahan pemilihan dalam konjugasi kata kerja pula melibatkan kata kerja akhiran *ER*, kata kerja *Avoir* dan kata kerja *Être*. Seterusnya bagi kesalahan pengurangan kata kerja, pengkaji menemui dua jenis kesalahan, hal ini melibatkan kata kerja *Avoir* dan kata kerja *Être*. Berdasarkan kesalahan kata kerja yang dilakukan oleh pelajar KUPTMKL dalam penulisan ayat mudah bahasa Perancis, pengkaji dapat menemukan faktor yang menyumbang pada kesalahan tersebut, iaitu gangguan bahasa

ibunda, strategi pembelajaran bahasa kedua yang melibatkan simplifikasi dan pemindahan interlingual. Kesimpulannya, kajian ini membantu pelajar KUPTMKL mengenal pasti jenis kesalahan kata kerja yang sering dilakukan, lalu mengambil langkah untuk menggunakan kata kerja dengan betul dalam bahasa Perancis. Hal ini dapat membantu mereka meningkatkan mutu penulisan ayat mudah dalam bahasa Perancis. Selain itu, pelajar dapat membuat perbandingan antara makna kata kerja *Avoir* dengan kata kerja *Être* dengan lebih baik.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

COMPARISON OF THE USE OF VERB ENDING IN ER, VERB AVOIR & VERB ÊTRE BETWEEN FRENCH AND MALAY VIA ERROR ANALYSIS APPROACH

By

NORFARAHIN BTE AMAT @ ADNIN

July 2020

Chairman : Associate Professor Omrah bin Hassan @ Hussin, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This study compares the use of verbs ending in ER, Être and Avoir between the French and English languages through error analysis approach. The first objective of this study is to identify the types of verb errors in the writing of simple French sentences among students of MARA Poly-Tech University College (KUPTM) Kuala Lumpur (KUPTMKL). The second objective is to compare the meaning between the two auxiliary verbs, Avoir and Être in French and Malay. This objective was achieved via error analysis theory. The classification of the types of verb errors in French is determined using error taxonomic theory (Dulay, Burt, and Krashen, 1982). The study was conducted at KUPTMKL and the study sample consisted of 150 second semester students who had enrolled in French Language 1 course at KUPTMKL. The researcher used qualitative and quantitative approaches in data analysis. The researcher found that the respondents experienced difficulty in identifying the relationship between the agent and its verb to construct simple sentences in French. The study findings showed that KUPTMKL students committed three types of verb errors in French, which are in the selection of verb, verb conjugation, and verb contraction. The three types of errors in the selection of verb involves: (i) Errors between verb Être and verb ending in ER; (ii), Errors between verb Être and verb Avoir; and, (iii) Errors between verb Avoir and verb Être. In fact, errors in the selection of verb conjugations involve verb ending in ER, verb Avoir and verb Être. Next for the errors in verb contraction, the researcher found two types of error, these involve verb Avoir and verb Être. Based on the verb errors made by the KUPTMKL students in writing simple French sentences, the researcher manages to find the factors that contribute to the errors, namely the mother tongue interference, second language learning strategy which involves simplification and interlingual transfer. In conclusion, this study helps KUPTMKL students to identify the types of verb errors that

they have often committed, then take steps to use verbs correctly in French. This can help them to improve their quality in writing simple French sentences.

Furthermore, students can make better comparison of the meaning of the verb Avoir and the verb Être.



PENGHARGAAN

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan izinNya, saya berjaya menyiapkan tesis Master ini dalam tempoh 13 semester. Satu tempoh yang sangat lama dan panjang. Tahniah kepada diri saya sendiri, walaupun banyak dugaan yang datang tanpa henti sepanjang pengajian, niat saya hanyalah satu, mahu habiskan apa yang telah saya mulakan. Bergelumang dengan komitmen kerja sebagai seorang pensyarah dan menguruskan dua perniagaan, saya mampu menamatkan status sebagai seorang pelajar.

Suamiku, Cikgu Ahmad Farit bin Mazlan, terima kasih atas kata-kata semangat di saat susah mahupun senang sepanjang perjalanan menyiapkan tesis Master ini yang sangat menguji emosi dan mental kita berdua.

Emakku, Puan Hajjah Mutamah binti Haji Abdul Hamid, terima kasih bagi setiap doamu. Al-Fatihah untuk arwah abah, Cikgu Haji Amat @ Adnin bin Haji Amat Kassan, semoga tenang dan bahagia di sisiNya.

Jutaan terima kasih kepada penyelia-penyelia tesis, Profesor Madya Dr. Omrah bin Hassan @ Hussin, Profesor Madya Dr. Ab Halim bin Mohamad dan juga Profesor Dr. Vijayaletchumy a/p Subramaniam.

Terima kasih juga untuk keluarga tercinta, sahabat baik, rakan seperjuanganku dan pelajar-pelajarku di Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur. Semoga ALLAH membalas jasa-jasamu, Inshallah Amin Ya Rabbal Alamin.

Kepada yang membaca tesis ini, pesan saya adalah jangan putus asa dan habiskan pengajian anda walaupun mengambil masa yang sangat lama ♥

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Omrah bin Hassan @ Hussin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ab Halim bin Mohamad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD

Profesor
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 September 2020

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi;

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa Profesor Madya
Penyeliaan: Dr. Omrah bin Hassan @ Hussin

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa Profesor Madya
Penyeliaan: Dr. Ab Halim bin Mohamad

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa Profesor
Penyeliaan: Dr. Vijayaletchumy a/p Subramaniam

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Kata Kerja dan Konjugasi	3
1.3 Pembelajaran Bahasa Perancis di Kolej Universiti Poly-TechMARA Kuala Lumpur (KUPTMKL)	5
1.4 Masalah Penguasaan Bahasa Perancis dari Aspek Kata Kerja	5
1.5 Permasalahan Kajian	6
1.6 Persoalan Kajian	8
1.7 Objektif Kajian	8
1.8 Kepentingan Kajian	8
1.9 Batasan Kajian	9
1.10 Definisi Operasional	10
2 SOROTAN KAJIAN	13
2.1 Pengenalan	13
2.2 Perkembangan Analisis Kontrastif	13
2.2.2 Kritikan Terhadap Analisis Kontrastif	17
2.2.3 Analisis Kesalahan Pelengkap kepada Analisis Kontrastif	18
2.3 Perbincangan Teori Analisis Kesalahan	20
2.3.1 Perkembangan Analisis Kesalahan	20
2.3.2 Pengelasan Jenis Kesalahan	23
2.4 Faktor-faktor yang Menyumbang kepada Kesalahan Bahasa Asing	25
2.4.1 Faktor Gangguan Bahasa Ibunda (<i>Interference of MotherTongue</i>)	26
2.4.2 Strategi Pembelajaran Bahasa Kedua (<i>Strategies of SecondLanguage Learning</i>)	27
2.4.3 Faktor Pemindahan Interlingual (<i>Interlingual Transfer</i>)	28
2.5 Kajian Umum Analisis Kesalahan Bahasa Asing	28
2.5.1 Kajian Analisis Kesalahan Kata Kerja	31

2.5.2	Kajian Analisis Kontrastif dan Analisis Kesalahan Bahasa Perancis di Malaysia	34
2.5.3	Kajian Analisis Kesalahan dalam Perbandingan Kata Kerja Bahasa Asing	38
2.5.4	Kajian yang Menunjukkan Pengaruh Bahasa Ibunda atau Bahasa Kedua dalam Pembelajaran Kata Kerja Bahasa Asing	39
2.6	Kesimpulan	42
3	METODOLOGI KAJIAN	43
3.1	Pengenalan	43
3.2	Reka Bentuk Kajian	43
3.3	Kaedah Kajian	44
3.3.1	Sampel	44
3.3.2	Lokasi	45
3.3.3	Instrumen Kajian / Bahan Kajian	46
3.3.4	Prosedur Kajian	47
3.3.5	Analisis	47
3.4	Kerangka Teori	48
3.4.1	Teori Taksonomi Kesalahan	48
3.5	Kerangka Konseptual	50
3.6	Latar Belakang Responden	51
3.6.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	51
3.6.2	Taburan Responden Mengikut Umur	51
3.7	Faktor Ekstralinguistik	52
3.7.1	Responden Mengikut Bidang Pengajian	52
3.7.2	Taburan Mengikut Pelajar yang Pernah Mempelajari Bahasa Perancis	52
3.8	Kesimpulan	53
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	54
4.1	Pengenalan	54
4.2	Objektif 1: Mengenal pasti jenis kesalahan kata kerja dalam penulisan ayat mudah bahasa Perancis dalam kalangan pelajar KUPTMKL	54
4.2.1	Kesalahan dalam Pemilihan	55
4.2.2	Kesalahan dalam Pengurangan Kata Kerja	73
4.3	Objektif 2 : Membandingkan Perbezaan Makna dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Perancis antara Kata Kerja <i>Avoir</i> dan Kata Kerja <i>Être</i>	79
4.4	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	81
4.5	Implikasi Dapatan Kajian	81
4.6	Kesimpulan	82
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	83
5.1	Pengenalan	83
5.2	Rumusan Kajian	83
5.3	Cadangan Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Perancis	84
5.4	Cadangan Kajian Akan Datang	85

5.5	Penutup	86
	RUJUKAN	87
	LAMPIRAN	98
	BIODATA PELAJAR	110
	SENARAI PENERBITAN	111



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat	
1.1	Contoh Konjugasi Kata Kerja Akhiran <i>ER</i>	4
1.2	Konjugasi Kata Kerja <i>Être</i> dan Kata Kerja <i>Avoir</i>	4
3.1	Contoh-contoh Kesalahan Kata Kerja Bahasa Perancis	45
3.2	Kerangka Konsep <i>Error Taxonomy</i> Dulay, Burt dan Krashen (1982)	49
3.3	Jantina Responden	51
3.4	Umur Responden	52
3.5	Bidang Pengajian Responden	52
3.6	Responden Pernah Mempelajari Bahasa Perancis	53
4.1	Jenis dan Bilangan Kesalahan Kata Kerja Bahasa Perancis yang Dilakukan oleh Pelajar KUPTMKL	55
4.2	Kesalahan Pemilihan Kata Kerja antara Kata Kerja <i>Être</i> dan Kata Kerja Akhiran <i>ER</i>	56
4.3	Kesalahan Pemilihan Kata Kerja antara Kata Kerja <i>Être</i> 'suis' dan Kata Kerja <i>Avoir</i> (Kesalahan dalam mendeskripsikan umur seseorang)	57
4.4	Kesalahan Pemilihan Kata Kerja antara Kata Kerja <i>Être</i> 'est' dan Kata Kerja <i>Avoir</i> (Kesalahan dalam mendeskripsikan umur seseorang)	59
4.5	Kesalahan Pemilihan Kata Kerja antara Kata Kerja <i>Être</i> dan Kata Kerja <i>Avoir</i> (Kesalahan dalam mendeskripsikan pemilihan seseorang)	60
4.6	Kesalahan Pemilihan Kata Kerja antara Kata Kerja <i>Avoir</i> dan Kata Kerja <i>Être</i>	61
4.7	Contoh Kesalahan Pemilihan Konjugasi Kata Kerja Akhiran <i>ER</i>	64
4.8	Kesalahan Pemilihan Konjugasi Kata Kerja <i>Avoir</i>	68
4.9	Konjugasi Kata Kerja <i>Avoir</i>	69

4.10	Kesalahan Pemilihan Konjugasi Kata Kerja <i>Être</i>	70
4.11	Konjugasi Kata Kerja <i>Être</i>	73
4.12	Kesalahan Pengurangan Kata Kerja <i>Avoir</i>	74
4.13	Kesalahan Pengurangan Kata Kerja <i>Être</i>	75
4.14	Contoh Kesalahan Gangguan Bahasa Ibunda	76
4.15	Contoh Kesalahan Pengurangan Kata Kerja	77
4.16	Contoh Kesalahan Pemindahan Bahasa (<i>Interlingual Transfer</i>)	78
4.17	Perbandingan Makna di antara Kesalahan Pemilihan Kata Kerja <i>Être</i> dan Kata Kerja <i>Avoir</i> dan Terjemahan Ayat dalam Bahasa Melayu	80

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
A Surat Validasi untuk Borang Soal Selidik dan Kertas Ujian Tatabahasa Bahasa Perancis	98
B Kertas Ujian Bertulis Bahasa Perancis	99
C Borang Soal Selidik Ringkas Kajian Demografi Responden	101
D Contoh Kertas Ujian Bertulis Bahasa Perancis yang telah Dilengkapkan	103
E Contoh Borang Soal Selidik Ringkas Kajian Demografi Responden yang telah Dilengkapkan	106
F Data Kesalahan-kesalahan Kata Kerja dalam Ujian Bertulis Bahasa Perancis	108

SENARAI SINGKATAN

KUPTMKL	Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur
TESL	Diploma Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua
CORP.COMM	Diploma Komunikasi Korporat
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa merupakan alat komunikasi utama manusia dan memainkan peranan penting dalam kehidupan. Kemahiran bahasa diperoleh secara formal dan tidak formal sama ada di rumah, sekolah, atau universiti. Kelebihan menguasai lebih daripada satu bahasa merupakan sesuatu yang amat bernilai (Jamian Mohammad, 2000). Kebelakangan ini, timbul keperluan untuk mempelajari dan menguasai bahasa ketiga selain daripada bahasa ibunda atas pelbagai faktor seperti minat, ekonomi, sosial, budaya, dan sebagainya. Semakin ramai pelajar pendidikan tinggi memilih untuk mempelajari bahasa asing yang ditawarkan oleh kolej dan universiti sebagai nilai tambah. Antara bahasa yang mendapat sambutan adalah bahasa Perancis yang merupakan bahasa asing keenam paling banyak dipelajari selepas Mandarin, Inggeris, Hindi, Sepanyol, dan Arab serta mempunyai kira-kira 275 juta penutur di seluruh dunia (World Languages and Cultures, 2017)

Di Malaysia, minat untuk mempelajari dan menguasai bahasa asing semakin meningkat dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi kerana mereka semakin sedar akan kepentingan menguasai bahasa lain selain bahasa ibunda. Oleh itu, pengajaran bahasa Perancis di Malaysia telah diperluaskan kepada pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi awam dan swasta seperti Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur (KUPTMKL).

Pembelajaran bahasa Perancis di Malaysia mula diajar di beberapa buah sekolah Inggeris semasa zaman penjajahan British (Choi, 1994). Bahasa Perancis mula ditawarkan di sekolah berasrama penuh secara berperingkat, bermula di Sekolah Menengah Sains Selangor pada tahun 1973 (Ali Abdul Ghani, 2004). Pada tahun 2005, bahasa Perancis ditawarkan di beberapa buah sekolah menengah harian terpilih di seluruh Malaysia sebagai subjek elektif.

Pada peringkat universiti, bahasa Perancis diajar sebagai program pengajian seperti di Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, dan Institut Perguruan Bahasa Antarabangsa. Universiti Malaya telah menawarkan Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik sejak tahun 1998 manakala Universiti Putra Malaysia telah menawarkan program Bachelour Sastera Bahasa Perancis sejak tahun 2001. Institut Perguruan Bahasa Antarabangsa pula menawarkan program persediaan bakal guru bahasa Perancis yang akan mengikuti pengajian ijazah Sarjana Muda Linguistik pengkhususan bahasa Perancis

sebagai bahasa asing (<https://my.ambafrance.org>, 8 Februari 2018).

Bahasa Perancis merupakan subjek kemahiran atau elektif yang ditawarkan oleh hampir semua universiti awam dan swasta di Malaysia seperti KUPTMKL. Ujian kemahiran khusus seperti Peperiksaan Bahasa Perancis DELF (Diplome Etudes en Langue Française) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan dikendalikan oleh Alliance Française Kuala Lumpur (AFKL). Pelajar sekolah atau institut pengajian tinggi yang menawarkan subjek bahasa Perancis boleh menduduki peperiksaan berbayar tersebut atas inisiatif guru atau pelajar sendiri.

Walau bagaimanapun, mempelajari bahasa asing tidak mudah jika pelajar tidak berada dalam persekitaran yang tidak menggunakan bahasa asing tersebut secara meluas (Cho dan Puteri Roslina Abdul Wahid, 2013). Menurut Zaliza Mohamad Nasir (2017), pelajar bahasa asing cenderung membawa atau memindahkan peraturan tatabahasa, leksikal-semantik dan sebutan bahasa ibunda ke dalam bahasa asing yang dipelajari. Ini merupakan praktis yang kurang baik dan boleh menyebabkan kesalahan bahasa berlaku sama ada dalam bentuk tulisan atau pertuturan. Richards Schmidt (1992) dalam Siti Baidura Kasiran dan Nurul Jamilah Rosly (2011) berpendapat penumpuan yang lemah, kecuaiian dan keletihan menyumbang kepada kesilapan bahasa dalam penulisan dan pertuturan, manakala kesalahan bahasa disebabkan oleh penggunaan bentuk bahasa yang dianggap salah oleh penutur jati atau penutur yang fasih dalam sesuatu bahasa disebabkan pembelajaran yang salah atau belum sempurna. Ini selari dengan Nik Safiah Karim (1980) yang berpendapat bahawa kesalahan bahasa ialah penggunaan bahasa yang melanggar peraturan bahasa dari segi sebutan, kosa kata atau tatabahasa struktur ayat dan frasa. Lanjutan daripada itu, kajian analisis kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar bahasa asing adalah signifikan kerana dapatan daripada analisis tersebut boleh membantu mempertingkatkan cara pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks ini, perbandingan penggunaan kata kerja bahasa Perancis dan bahasa Melayu merupakan perkara penting yang harus difahami.

1.2 Latar Belakang Kajian

Penekanan terhadap aspek tatabahasa amat penting bagi meningkatkan keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa asing khususnya bahasa Perancis. Dalam mempertingkatkan kemahiran dalam bahasa asing, pelajar bahasa Perancis sering menghadapi masalah dalam penggunaan kata kerja ketika menulis ayat mudah bahasa Perancis, sebagai contoh ketika memilih konjugasi kata kerja yang selaras dengan subjek, pemilihan kata kerja yang tidak tepat, penambahan kata kerja yang tidak diperlukan, pengurangan kata kerja yang tidak sepatutnya berlaku, dan penggunaan kata kerja yang tidak bersesuaian dengan ayat yang dibina. Perbezaan jelas antara sistem bahasa Perancis dan bahasa Melayu merupakan faktor utama masalah

kekeliruan yang dihadapi oleh para pelajar (Choi, 1986; Roshidah Hassan, 2015). Hal ini diakui oleh Lado (1957):

“...those elements which are similiar to (the learners) native language will be simple for him, and these elements that are different will be difficult.”

Salah satu aspek yang penting dalam pembelajaran bahasa Perancis adalah nahu atau tatabahasa yang boleh mengakibatkan ayat yang dihasilkan tidak difahami dan mesej tidak dapat disampaikan dengan berkesan. Oleh itu, penguasaan tatabahasa amat penting dan penguasaan yang baik dapat membantu pelajar menghasilkan ayat yang betul dan gramatis. Bahasa Perancis mempunyai sistem bahasa tersendiri yang berbeza dengan bahasa ibunda pelajar di Malaysia iaitu bahasa Melayu. Ini boleh menimbulkan kesulitan kepada pelajar Melayu di Malaysia yang mempelajari bahasa Perancis. Semakin luas perbezaan sistem bahasa Perancis dan bahasa ibunda, semakin sulit untuk pelajar mempelajarinya. Kesalahan bahasa tidak dapat dielakkan sepanjang proses pembelajaran ini dan bagi memahami masalah yang dihadapi oleh pelajar Melayu sewaktu pembelajaran bahasa Perancis, kajian analisis kesalahan mengenai penggunaan kata kerja bahasa Perancis wajar dilakukan. Analisis kesalahan sering dikaitkan dengan pemerolehan bahasa asing kerana seorang pengajar bahasa perlu kenal perbezaan antara kesilapan dengan kesalahan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran khususnya bahasa Perancis. Menurut Hartmann dan Stork (1972), analisis kesalahan digunakan dalam kajian yang melihat tahap penguasaan pelajar melalui catatan kekerapan kesilapan dan klasifikasi kesalahan. Kajian ini membincangkan masalah dalam pembelajaran bahasa dengan (i) mengenal pasti jenis-jenis kesalahan kata kerja bahasa Perancis dalam kalangan pelajar KUPTMKL dan (ii) membandingkan perbezaan makna dalam bahasa Melayu dan bahasa Perancis antara kata kerja *Avoir* dan kata kerja *Être*.

1.2.1 Kata Kerja dan Konjugasi

Secara umumnya terdapat dua bentuk kata kerja asas dalam bahasa Perancis iaitu (a) kata kerja dasar (*radical*) seperti *parler* (bercakap), *aimer* (suka), dan *habiter* (tinggal) serta (b) kata kerja konjugasi (*conjugaison*) atau akhiran (*terminaison*) yang berubah mengikut subjek ayat. Mengenali kata kerja dan cara konjugasi adalah amat penting dalam bahasa Perancis. Semua ayat mudah bahasa Perancis mengandungi kata kerja dan ini menyebabkan ramai pelajar membuat kesalahan penggunaan kata kerja bahasa Perancis kerana mengabaikan bentuk dan juga fungsi kata kerja dalam ayat mudah bahasa Perancis.

Para pelajar di KUPTMKL hanya didedahkan dengan kata kerja bahasa Perancis yang digolongkan mengikut kumpulan kata kerja yang ditulis dengan ejaan yang berakhir dengan huruf sama iaitu kata kerja akhiran *ER*. Sebahagian kata kerja yang telah diajar kepada pelajar adalah *Adorer*, *Habiter*, *Aimer*, *Travailler*, *Préférer*, *Parler* dan *Détester*. Jadual 1.1 adalah contoh kata kerja yang berakhir dengan ejaan *ER* yang dikonjugasikan mengikut subjek.

Jadual 1.1 : Contoh Konjugasi Kata Kerja Akhiran *ER*

<i>Adorer</i> (menyukai)	<i>Habiter</i> (tinggal)	<i>Détester</i> (tidak suka)
<i>Je adore</i>	<i>Je habite</i>	<i>Je déteste</i>
<i>Tu adores</i>	<i>Tu habites</i>	<i>Tu détestes</i>
<i>Il/elle adore</i>	<i>Il/elle habite</i>	<i>Il/elle déteste</i>
<i>Vous adorez</i>	<i>Vous habitez</i>	<i>Vous détestez</i>
<i>Nous adorons</i>	<i>Nous habitons</i>	<i>Nous détestons</i>
<i>Ils/elles adorent</i>	<i>Ils/elles habitent</i>	<i>Ils/elles détestent</i>
<i>Préférer</i> (lebih suka)	<i>Parler</i> (bercakap)	<i>Aimer</i> (suka)
<i>Je préfère</i>	<i>Je parle</i>	<i>J'aime</i>
<i>Tu préfères</i>	<i>Tu parles</i>	<i>Tu aimes</i>
<i>Il/elle préfère</i>	<i>Il/elle parle</i>	<i>Il/elle aime</i>
<i>Vous préférez</i>	<i>Vous parlez</i>	<i>Vous aimez</i>
<i>Nous préférons</i>	<i>Nous parlons</i>	<i>Nous aimons</i>
<i>Ils/elles préfèrent</i>	<i>Ils/elles parlent</i>	<i>Ils/elles aiment</i>
<i>Travailler</i> (bekerja)	<i>Manger</i> (makan)	<i>Visiter</i> (melawat)
<i>Je travaille</i>	<i>Je mange</i>	<i>Je visite</i>
<i>Tu travailles</i>	<i>Tu manges</i>	<i>Tu visites</i>
<i>Il/elle travaille</i>	<i>Il/elle mange</i>	<i>Il/elle visite</i>
<i>Vous travaillez</i>	<i>Vous mangez</i>	<i>Vous visitez</i>
<i>Nous travaillons</i>	<i>Nous mangeons</i>	<i>Nous visitons</i>
<i>Ils/elles travaillent</i>	<i>Ils/elles mangent</i>	<i>Ils/elles visitent</i>

Selain daripada contoh dalam Jadual 1.1, terdapat dua kata kerja utama yang diajar kepada para pelajar bahasa Perancis di KUPTMKL kerana selalu digunakan untuk membina ayat mudah bahasa Perancis seperti dalam jadual 1.2:

Jadual 1.2 : Konjugasi Kata Kerja *Être* dan Kata Kerja *Avoir*

Kata Kerja <i>Être</i> (adalah / ialah)	Kata Kerja <i>Avoir</i> (ada)
<i>Je suis</i>	<i>J'ai</i>
<i>Tu es</i>	<i>Tu as</i>
<i>Il/elle est</i>	<i>Il/elle a</i>
<i>Vous êtes</i>	<i>Vous avez</i>
<i>Nous sommes</i>	<i>Nous avons</i>
<i>Ils/elles sont</i>	<i>Ils/elles ont</i>

Dalam bahasa Perancis, kata kerja mempunyai bentuk dan peraturan khusus yang perlu dipatuhi dalam pembinaan ayat dalam bahasa Melayu penggunaan kata kerja tidak mengikut peraturan konjugasi seperti dalam jadual 1.1 dan jadual 1.2 Keadaan ini perlu dilihat secara khusus dalam kajian ini bagi mengenal pasti kesalahan yang dilakukan oleh pelajar KUPTMKL yang mengambil kursus bahasa Perancis sebagai elektif. Kajian ini hanya melibatkan konjugasi kata kerja bahasa Perancis seperti dalam jadual 1.1 dan jadual 1.2 sahaja.

1.3 Pembelajaran Bahasa Perancis di Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur (KUPTMKL)

Bahasa Perancis telah diperkenalkan di Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur (KUPTMKL) sejak penubuhannya pada tahun 1987 sebagai salah satu subjek elektif dengan matlamat untuk melahirkan golongan pelajar yang berpengetahuan luas dalam bahasa asing. Bahasa Perancis yang ditawarkan terbahagi kepada dua tahap iaitu Bahasa Perancis I dan Bahasa Perancis II. Di KUPTMKL pelajar mempelajari bahasa Perancis dalam tempoh setahun (dua semester). Pelajar perlu lulus subjek Bahasa Perancis I sebelum menyambung pembelajaran Bahasa Perancis II pada semester seterusnya. Bahasa Perancis hanya ditawarkan kepada pelajar program Diploma Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL) dan Diploma Komunikasi Korporat (CORP.COMM) di KUPTMKL sahaja.

1.4 Masalah Penguasaan Bahasa Perancis dari Aspek Kata Kerja

Dalam mempelajari bahasa asing seperti bahasa Perancis, para pelajar selalu melakukan kesalahan dari aspek penggunaan kata kerja, pelajar bahasa Perancis di KUPTMKL juga tidak terkecuali. Masalah penguasaan bahasa asing berlaku kerana pelajar tidak berupaya menguasai perbendaharaan kata dan nahu bahasa (Mariyati Haji Mohd Nor, Norhana Md. Salleh dan Hasrina Baharum, 2017). Kesukaran dalam mempelajari dan memahami sistem tatabahasa bahasa Perancis juga menyebabkan pelajar sukar menulis dengan baik. Penggunaan dan pemilihan kata kerja bahasa Perancis bergantung kepada setiap subjek atau pelaku. Sistem tatabahasa bahasa Perancis yang berlainan daripada bahasa Melayu menyebabkan pelajar kerap melakukan kesalahan dalam pemilihan kata kerja yang telah ditetapkan. Kesalahan yang berlaku mungkin dipengaruhi oleh pelbagai aspek seperti pengaruh bahasa ibunda, aplikasi peraturan kata kerja yang tidak sempurna, strategi pembelajaran dan sebagainya. Aspek kesalahan bahasa yang menjadi fokus dalam kajian ini merangkumi pembentukan dan penggunaan kata kerja dalam ayat mudah bahasa Perancis. Pengkaji mendapati pelajar sering keliru dengan pelbagai bentuk kata kerja berdasarkan subjek dan kala, menyebabkan mereka melakukan kesalahan pengurangan kata kerja, kesalahan pemilihan kata kerja, kesalahan penambahan dan juga kesalahan konjugasi kata kerja dalam penulisan ayat mudah bahasa Perancis.

Namun begitu, pengkaji berpendapat sudah memadai jika pelajar mampu membuat ayat mudah dengan betul kerana mereka hanya mengikuti kelas selama tiga jam seminggu selama 14 minggu dan subjek bahasa Perancis merupakan subjek elektif sahaja. Jumlah masa pembelajaran ini sebenarnya tidak mencukupi dan sangat singkat untuk pelajar menguasai bahasa Perancis.

1.5 Permasalahan Kajian

Permasalahan utama yang diketengahkan dalam kajian ini adalah jenis kesalahan tatabahasa bahasa yang sering dilakukan oleh pelajar KUPTMKL dan membuat perbandingan perbezaan makna kata kerja *Avoir* dan juga kata kerja *Être*. Bahasa Perancis dan bahasa Melayu ialah dua bahasa dengan fitur yang sangat berbeza. Bahasa Melayu berasal daripada keluarga bahasa Austronesia dan bahasa Perancis berasal daripada keluarga bahasa Indo-Eropah. Pelajar yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dan mempelajari bahasa Perancis sebagai bahasa asing akan menghadapi kesukaran untuk menguasai fitur bahasa Perancis yang tidak wujud dalam bahasa ibunda responden iaitu bahasa Melayu. Pelajar sering keliru dengan pelbagai bentuk konjugasi kata kerja berdasarkan subjek dan kala, melakukan penambahan kata kerja yang tidak perlu, mengurangkan kata kerja yang perlu, pemilihan kata kerja yang salah dan melakukan terjemahan tidak tepat. Dalam proses pembelajaran bahasa Perancis, kata kerja adalah yang paling sukar dan rumit untuk dipelajari oleh hampir semua pelajar di setiap peringkat pendidikan. Menurut Nik Safiah, Farid, Hashim dan Abdul (2014), tatabahasa ialah peraturan berdasarkan sesuatu teori tertentu yang menghuraikan ayat-ayat dalam sesuatu bahasa dengan kaedah paling mudah, tepat dan lengkap. Kesukaran memahami peraturan tatabahasa bahasa Perancis mempunyai kesan negatif ke atas pemahaman dan penulisan pelajar. Ini selari dengan Roshidah Hassan (2015) yang berpendapat bahawa pemerolehan bahasa kedua atau bahasa asing adalah disebabkan oleh perbezaan struktur yang terdapat antara bahasa ibunda dan bahasa kedua atau bahasa asing. Mengikut kurikulum bahasa Perancis di KUPTMKL, pelajar Bahasa Perancis I diajar dengan pengenalan kepada kata ganti diri, penggunaan kata kerja dalam ayat dan penentuan objek dalam ayat mudah bahasa Perancis. Tatabahasa bahasa Perancis adalah lebih rumit daripada tatabahasa bahasa Melayu. Beberapa kesalahan kata kerja berlaku apabila pelajar tidak memahami dengan baik tentang tatabahasa bahasa Perancis. Pelajar kerap melakukan kesalahan penggunaan kata kerja dalam penulisan ayat mudah. Dalam pengajaran bahasa Perancis, penekanan terhadap tatabahasa terutamanya dalam penggunaan kata kerja amat penting bagi membantu mengatasi masalah pembelajaran apabila berhadapan dengan konjugasi. Konjugasi dalam bahasa Perancis merupakan perubahan kata kerja yang perlu dilakukan apabila setiap perlakuan dibuat oleh individu atau kumpulan yang diletakkan di bawah kumpulan kata ganti nama tertentu. Bagi pelajar yang baru mempelajari bahasa asing khususnya bahasa Perancis, perkara ini merupakan suatu permasalahan dalam mempelajari bahasa Perancis. Hal ini menjadi semakin besar apabila ia tidak dapat

dianalisis dengan baik oleh pelajar. Masalah seterusnya berlaku apabila pelajar yang merupakan penutur asli bahasa Melayu tidak faham perbezaan kategori kata ganti nama bahasa Perancis. Sebagai contoh dalam bahasa Perancis pelajar sepatutnya tahu sistem konjugasi bagi kata kerja akhiran *ER*, kata kerja *Avoir* dan kata kerja *Être* dengan baik selepas tamat proses pembelajaran selama 14 minggu. Walau bagaimanapun, mereka tetap melakukan kesalahan dalam penggunaan kata kerja bahasa Perancis.

Salah satu aspek penting dalam pembelajaran bahasa Perancis adalah nahu atau tatabahasa. Kesilapan yang berlaku boleh mengakibatkan ayat yang dihasilkan tidak difahami dan mesej gagal disampaikan dengan berkesan. Oleh itu, penguasaan tatabahasa bahasa Perancis amat penting bagi membantu pelajar menghasilkan ayat yang betul dan gramatis. Bahasa Perancis mempunyai sistem bahasa tersendiri yang berbeza dengan bahasa ibunda pelajar di Malaysia iaitu bahasa Melayu. Sebagai bahasa asing, sistem bahasa yang berbeza ini boleh menimbulkan kesulitan kepada seseorang apabila mempelajari bahasa Perancis. Semakin luas perbezaan sistem bahasa Perancis dan bahasa ibunda, semakin sulit untuk pelajar mempelajarinya. Kesilapan dan kesalahan tidak dapat dielakkan sepanjang proses pembelajaran dan bagi memahami masalah yang dihadapi oleh pelajar Melayu di dalam pembelajaran bahasa Perancis di dalam kelas, kajian mengenai analisis kesalahan mengenai penggunaan kata kerja bahasa Perancis akan dijalankan bagi mencari jawapan kepada semua objektif kajian. Analisis kesalahan merupakan antara analisis penting berkaitan bahasa yang sering dikaitkan dengan pemerolehan bahasa kedua atau bahasa asing. Kajian ini mengaitkan masalah dalam pembelajaran bahasa dengan menilai jenis kesalahan yang dilakukan pelajar, faktor kesalahan tersebut dan membuat perbandingan makna dalam bahasa Melayu dan bahasa Perancis antara kata kerja bahasa Perancis yang sering disalahguna. Kajian analisis kesalahan timbul pada akhir tahun 1960-an apabila Corder (1967) mempopularkan kajian analisis kesalahan dan telah membuat anjakan paradigma dalam kajian pemerolehan bahasa. Dalam kajian analisis kesilapan, tujuan kajian adalah untuk memperbaiki proses pengajaran bahasa sasaran, tetapi dalam analisis kesalahan, Corder mencadangkan supaya kajian perlu ditekankan kepada proses pembelajaran (Roshidah Hassan, 2010).

Justeru, pengkaji ingin (i) mengenal pasti jenis kesalahan kata kerja bahasa Perancis yang telah dilakukan oleh pelajar dan (ii) membandingkan perbezaan makna dalam bahasa Melayu dan bahasa Perancis antara kata kerja *Avoir* dan kata kerja *Être* yang menjadi penyebab berlakunya kesalahan dalam penulisan ayat mudah bahasa Perancis.

